

Jelajah HONG KONG

Makanan Halal • Penginapan • Pengalaman • Itinerari
Terokai Hong Kong dengan cara mesra Muslim



KATA PENGANTAR

Selamat datang ke Hong Kong, sebuah metropolis dinamik yang memikat para pengembara dengan pemandangan langitnya yang tiada penghujung, kehidupan jalannya yang meriah, serta tradisi yang berakar kukuh. Di sebalik reputasinya sebagai hab kewangan global dan syurga membeli-belah, Hong Kong kini mula dikenali sebagai destinasi mesra Muslim. Dengan kesedaran yang semakin meningkat terhadap keperluan pelancong Muslim dan keterangkuman budaya, bandar ini mengundang anda merasai gabungan unik antara kemodenan dan warisan, sambil tetap menyesuaikan dengan gaya hidup dan kepercayaan anda.

Ketika anda menjelajahi kawasan sibuk seperti Tsim Sha Tsui dan Central, anda akan menemui masjid, pusat Islam, serta restoran bertauliah Halal yang sebatu dengan lanskap bandar. Panduan ini disediakan untuk membantu anda meneroka Hong Kong dan menghayati lapisan keistimewaannya.

Cakap Seperti Orang Tempatan

你好

Nei hou
Hai

好好食

Ho ho sik
Sangat Sedap

好靚呀

Hou leng ah
Sangat Cantik

正呀

Jeng ah
Hebat

唔該

Um goi
Terima Kasih



MTR ✳

MTR ialah Sistem Mass Transit Railway yang bersih, cekap dan boleh dipercayai serta meliputi semua daerah utama di Hong Kong, menjadikannya pilihan ideal untuk pelancong yang ingin meneroka pelbagai tarikan di bandar ini. Kad Octopus dan kad kredit diterima sebagai kaedah pembayaran.

Teksi

Teksi di Hong Kong menggunakan meter, dan boleh ditahan di jalan atau diambil di hentian teksi, pusat beli-belah serta stesen MTR. Terdapat 3 warna teksi berkhidmat di kawasan berbeza, namun semua boleh ke Lapangan Terbang Antarabangsa Hong Kong dan Hong Kong Disneyland.



Merah: Beroperasi di kebanyakan kawasan Hong Kong, kecuali Tung Chung Road dan bahagian selatan Pulau Lantau



Hijau: Hanya beroperasi di New Territories



Biru: Hanya beroperasi di Pulau Lantau

Kebanyakan teksi menerima wang tunai, dengan sebahagiannya menawarkan bayaran tanpa tunai melalui Kad Octopus, Alipay atau WeChat Pay. Selain tambang meter, penumpang juga perlu membayar tol terowong atau caj tambahan yang dikenakan semasa perjalanan teksi. Harga akan dipaparkan di bahagian dalam teksi.

Perkhidmatan Kecemasan
(Polis, Bomba, Ambulans):

☎ 999

Talian Hotline Pelawat
Lembaga Pelancongan
Hong Kong:

☎ +852 2508 1234

Laman
Jelajah
Hong Kong



Pusat Pelawat
Discover
Hong Kong



Cuaca
(Balai Ceraf
Hong Kong)





- | | | |
|---|--|--------------------|
| 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Hong Kong | 5 Peak Tram | 8 Avenue of Stars |
| 2 Hong Kong Disneyland | 6 Masjid Jamia | 9 Masjid Kowloon |
| 3 Ngong Ping 360 Village | 7 Masjid Ammar dan Osman Ramju Sadick Islamic Centre | 10 Sneakers Street |
| 4 Ocean Park Hong Kong | | |

Hong Kong terbahagi kepada tiga wilayah utama: **Pulau Hong Kong**, **Kowloon** dan **New Territories**, termasuk beberapa pulau lain seperti Pulau Lantau. Setiap kawasan menawarkan pandangan unik tentang lapisan budaya dan sejarah bandar ini dalam kepelbagaian geografinya.

*Nota: Peta ini tidak dilukis mengikut skala dan hanya untuk tujuan ilustrasi.





Masjid di Hong Kong

Hong Kong menempatkan beberapa masjid bersejarah yang mencerminkan kekayaan warisan Islam di bandar ini. Setiap masjid berperanan sebagai pusat kerohanian bagi komuniti Muslim yang pelbagai.



Masjid Kowloon

📍 105 Nathan Road, Tsim Sha Tsui, Kowloon

Terletak di tengah kawasan beli-belah Tsim Sha Tsui, Masjid Kowloon ialah masjid terbesar di Hong Kong. Dengan marmar putih yang menawan dan kubah utama, ia menggabungkan kerohanian serta seni bina di salah satu daerah paling sibuk.



Masjid Ammar dan Osman Ramju Sadick Islamic Centre

📍 No. 40, Oi Kwan Road, Wan Chai, Hong Kong

Masjid Ammar terkenal sebagai masjid ketiga yang dibina di Hong Kong. Terletak di Wan Chai, Pusat Islam ini ialah bangunan lapan tingkat dengan pelbagai kemudahan, termasuk kantin Halal yang menyajikan dim sum asli.



Masjid Jamia

📍 30 Shelly Street, Central, Hong Kong

Masjid Jamia, masjid tertua di Hong Kong yang dibina pada 1849, menampilkan dinding hijau pudina dengan suasana tenang. Terletak di Mid-Levels Escalators Central, ia menawarkan ruang damai dari kesibukan bandar.

Definisi Pensijilan Halal di Hong Kong



Restoran Berperakui Halal
Tidak menjual alkohol



Restoran Diperakui Mesra Halal
Menyediakan hidangan yang diperakui Halal serta item bukan Halal



Restoran dengan Dapur Diperakui Halal
Menjual alkohol kepada pelanggan bukan Muslim



Restoran Milik Muslim
Menyediakan makanan Halal sahaja

Maklumat mengenai restoran bertauliah Halal disediakan oleh The Incorporated Trustees of The Islamic Community Fund of Hong Kong dan peniaga.

Mongkok & Jordan

Mongkok ialah salah satu daerah paling meriah di Hong Kong, terkenal dengan jalan-jalan neon dan pasar sibuk. Gabungan lama dan baharu, di sinilah kedai tradisional, butik bergaya dan kehidupan malam bersatu.

Jordan pula menawarkan pesona dunia lama dengan tenaga bandar moden. Terkenal dengan pasar malam dan budaya jalanan autentik, ia tempat terbaik merasai kehidupan harian di Kowloon.

Masjid Terdekat
Masjid Kowloon

Mongkok



Ladies Market

• Tung Choi Street, Mongkok, Kowloon

Ladies Market ialah pasar malam sepanjang satu kilometer yang merentasi kawasan kejiranan. Dipenuhi deretan gerai, ia menawarkan gabungan cita rasa tempatan dan barangan unik untuk semua. Daripada pakaian, mainan hingga cenderamata, pasar ini wajib diterokai, terutama bagi mereka yang gemar membeli-belah.



Sneakers Street

• Fa Yuen St,
Mongkok,
Hong Kong

Fa Yuen Street, lebih dikenali sebagai Sneakers Street, ialah syurga bagi penggemar kasut dan pakaian sukan. Kedua-dua belah jalan dipenuhi kedai menjual pelbagai kasut - daripada jenama arus perdana hingga edisi terhad, semuanya pada harga menarik!

佐 敦

Jordan

Temple Street

• Yau Ma Tei, Hong Kong

Temple Street Night Market ialah pasar malam terbuka yang meriah, mirip Ladies Market. Selain membeli cenderamata dan barangan kecil, pengunjung boleh menikmati makanan jalanan tempatan serta snek antarabangsa seperti kebab dan pencuci mulut.



Mo Keung To

• Shop 10, G/F, Man Ying Building,
10 Man Ying Street, Jordan

Restoran ini menyajikan masakan Xinjiang yang lazat dalam suasana santai, terkenal dengan Nasi Pilaf kambing.



Restoran dengan Dapur Diperakui Halal
Menjual alkohol kepada pelanggan bukan Muslim



Avanti Bistro

• 2/F, Double Set
Commercial Centre,
No 37A-B Jordan
Road, Kowloon



Nikmati masakan asli Xinjiang serta sajian istimewa seperti sate kambing dan mi tarik dalam suasana yang mesra dan menarik.



Restoran dengan Dapur Diperakui Halal
Menjual alkohol kepada pelanggan bukan Muslim

Dignity Kitchen

• Shop 201 & 202, 618
Shanghai Street,
Mongkok



Dignity Kitchen memberi pekerjaan kepada golongan OKU, memperjuangkan keterangkuman dan maruah. Hidangan halalnya merangkumi kegemaran klasik seperti Nasi Lemak dan Ayam Kari.



Restoran Diperakui Mesra Halal
Menyediakan hidangan yang diperakui Halal serta item bukan Halal

尖沙咀

Tsim Sha Tsui

Tsim Sha Tsui ialah nadi Hong Kong yang paling terasa - gabungan menawan pesona kolonial, latar langit futuristik, dan tenaga jalanan yang tidak pernah tidur.

Masjid Terdekat
Masjid Kowloon



LEGOLAND Discovery Centre

♦ Shop B131-133, B1, K11 MUSEA, Tsim Sha Tsui, Kowloon

Pesonakan diri anda dengan versi miniatur skyline ikonik Hong Kong di MINILAND®, dibina menggunakan 1.5 juta bongkah LEGO®. Biarkan imaginasi si kecil pencinta LEGO berkembang di zon permainan dan kawasan membina. Sesuai untuk pengembaraan separuh hari yang menyenangkan, menawarkan dunia imaginasi dan aktiviti interaktif.



Avenue of Stars

Pernah teringin berjalan di sisi bintang ternama? Telusuri Avenue of Stars! Dillhamkan daripada Hollywood Walk of Fame, laluan ini mempamerkan cap tangan dan patung tokoh terkenal seperti Bruce Lee. Berlatarkan keindahan Victoria Harbour, ia lokasi terbaik untuk bergambar dengan panorama ikonik.

Berlayar di Sepanjang Skyline Hong Kong



Aqua Luna

♦ Tsim Sha Tsui Public Pier 1

Juga dikenali sebagai "Cheung Po Tsai", Aqua Luna menawarkan pengalaman pelayaran unik menyeberangi Victoria Harbour dengan bot layar tradisional Cina.



Petua: Pilih pelayaran waktu matahari terbenam untuk mendapatkan gambar latar langit Hong Kong dengan cahaya keemasan yang sempurna!

Chrisly Cafe (Bakery)

♦ Shop Nos. G7 & G8, G/F, Comm Deve, Harbour Pinnacle, 8 Minden Avenue, Tsim Sha Tsui

Nikmati pengalaman asli cha chaan teng di Chrisly Cafe! Rasai sajian bakeri mereka yang diperakui Halal seperti roti manis Hong Kong (bolo buns) dan tart telur klasik.

Nota: Hanya bahagian bakeri restoran ini diperakui Halal.



Restoran dengan Dapur Diperakui Halal
Menjual alkohol kepada pelanggan bukan Muslim



Lady 13 Kitchen

♦ Shop A, G/F, Valiant Commercial Building, 22-24 Prat Avenue, Tsim Sha Tsui

Menghidangkan gabungan masakan Cina dengan Asia Tenggara, menu yang diperakui Halal di Lady 13 Kitchen merangkumi pilihan kegemaran seperti Mi Ketam Roe dan Mi Mala.



Restoran Diperakui Mesra Halal
Menyediakan hidangan yang diperakui Halal serta item bukan Halal





K11 MUSEA

- Victoria Dockside, 18 Salisbury Road, Tsim Sha Tsui

Menggabungkan seni, alam dan jual-beli, K11 MUSEA ialah destinasi kebudayaan di sepanjang Victoria Dockside, Tsim Sha Tsui. Terkenal dengan ruang dalaman penuh seni dan suasana kreatif, ia sesuai untuk eksplorasi santai serta membeli-belah di butik pereka.



Harbour City

- 3-27, Canton Road, Tsim Sha Tsui

Salah satu pusat beli-belah terbesar di Hong Kong, Harbour City menempatkan lebih 450 kedai, terminal kapal persiaran, dan dek pemerhati dengan pemandangan Victoria Harbour. Dengan gabungan jenama mewah dan aktiviti mesra keluarga, ia hentian ideal untuk membeli-belah dan bersiar-siar.

Suasana Berbeza, Jalan Sama



Hong Kong Museum of Art

Muzium Seni Hong Kong mempamerkan koleksi antikeiti Cina, lukisan, kaligrafi serta seni Hong Kong. Dengan matlamat menjadikan seni lebih relevan dan segar, pameran mereka menawarkan pengalaman budaya dinamik berakar daripada identiti Hong Kong sebagai pertemuan Timur dan Barat.

Kowloon Canton Railway Clock Tower

Menara Jam ialah mercu tanda bersejarah Hong Kong yang berdiri sejak 1915. Ia kekal dipelihara sebagai Monumen diisytiharkan sebahagian daripada bekas terminal Kowloon-Canton Railway.



Hong Kong Space Museum

Dikenali dengan struktur kubah ikoniknya, Muzium Angkasa Hong Kong mengundang pengunjung meneroka astronomi dan sains angkasa melalui lebih 100 pameran interaktif serta planetarium berteknologi canggih.



Marouf & Puff Bake

- G/F, Seasons Commercial Building, 3 - 3A Humphreys Avenue, Tsim Sha Tsui

Ingin rehat sambil minum kopi? Singgahlah di Marouf & Puff Bake! Selain kopi, kafe ini terkenal dengan tart telur Halal, sesuai untuk singgah sebentar di antara sesi membeli-belah.



Restoran Berperakui Halal
Tidak menjual alkohol



Mr. BBQ

- 1/F, Surson Commercial Building, 140-142 Austin Road, Tsim Sha Tsui

Menjadi restoran BBQ Korea Halal pertama dan satu-satunya di Hong Kong, Mr. BBQ menyajikan pelbagai pilihan daging dan sayuran untuk melengkapkan pengalaman BBQ Korea.



Restoran Berperakui Halal
Tidak menjual alkohol

Cuisine Cuisine

- 3/F, The Mira Hong Kong, Mira Place, 118 Nathan Road, Tsim Sha Tsui

Terletak di The Mira Hong Kong Hotel, Cuisine Cuisine menawarkan hidangan asli Kantonis dan sentiasa tersenarai dalam Michelin Guide. Restoran ini menyediakan menu à la carte dan set yang diperakui Halal. Tempahan awal diperlukan.



Restoran Diperakui Mesra Halal
Menyediakan hidangan yang diperakui Halal serta item bukan Halal

West K

West Kowloon ialah sebuah daerah khusus untuk mempamerkan dan menyokong seni serta budaya di Hong Kong. Dengan muzium, lokasi seni persembahan dan promenade berangin untuk bersantai, West Kowloon destinasi untuk menyelami Hong Kong melalui lensa seni.



Hong Kong Palace Museum

📍 West Kowloon Cultural District, 8 Museum Drive, Kowloon

Terokai warisan kaya seni dan budaya Cina di Muzium Istana Hong Kong, yang mana khazanah berusia berabad-abad ini dipersembahkan bersama pameran moden dalam hab budaya yang meriah di West K.



M+

📍 West Kowloon Cultural District, 38 Museum Drive, Kowloon

M+ ialah muzium menakjubkan yang dikhususkan untuk budaya visual kontemporari. Dengan seni bina berani dan pameran bertaraf dunia, ia mempamerkan seni, reka bentuk, dan media dari Hong Kong serta antarabangsa, sekali gus mentakrifkan semula pengalaman muzium.



Art Park

📍 West Kowloon Cultural District, 18 Museum Drive, Kowloon

Art Park ialah syurga tepi laut di West K yang menawarkan padang rumput terbuka, pepasangan kreatif dan pemandangan pelabuhan panoramik. Tempat sempurna untuk bersiar-siar santai, menonton persembahan luar atau muhasabah tenang.



Xiqu Centre

📍 88 Austin Road West, Tsim Sha Tsui, Kowloon

Dengan ruang dalaman yang elegan, Xiqu Centre mengangkat martabat opera tradisional Cina di dalam sebuah tempat moden, menggabungkan persembahan klasik dengan reka bentuk kontemporari dan perayaan budaya.

深

水

埗

Sham Shui Po

Sham Shui Po terkenal sebagai kawasan sarat dengan pelbagai khazanah! Dengan kedai barangan terpakai dan pasar terbuka, anda dapat merasai budaya tempatan merentasi era berbeza ketika menyusuri kejiranan ini.



Toy Street

Fuk Wing Street atau Toy Street penuh dengan karakter, dipenuhi mainan, barangan parti dan koleksi nostalgia. Popular dalam kalangan penduduk tempatan dan pelancong, ia mencerminkan sisi ceria bandar serta pesona kejiranan lama.



Ex Sham Shui Po Reservoir

- Mission Hill, Shek Kip Mei, Kowloon

Bekas Takungan Sham Shui Po yang tersembunyi di bawah Bishop Hill menyingkap keajaiban seni bina tidak dijangka. Lengkungan batu Romanesque dan pesona bawah tanah menjadikannya lokasi bersejarah tenang dan sesuai untuk penggemar fotografi.



Golden Computer Centre & Arcade

- 94A Yen Chow Street, Sham Shui Po, Kowloon (Centre)

Golden Computer Centre ialah syurga teknologi yang dipenuhi alat ganti komputer, gajet dan permainan video retro. Sama ada meninjau atau peminat permainan tegar, destinasi ini meriah dengan barangan elektronik dan koleksi unik.



Apliu Street Flea Market

- Apliu Street, Sham Shui Po, Kowloon

Pasar Apliu Street Flea ialah pusat sibuk untuk barangan elektronik, koleksi vintaj dan barangan unik – sesuai untuk pemburu barangan antik dan penggemar tawar-menawar yang mencari sesuatu yang istimewa.

Kentucky Fried Chicken (KFC)

- Shop 317, Level 3, Dragon Centre, 37K Yen Chow Street, Sham Shui Po



Jenama makanan segera yang sudah dikenali ramai pelancong, KFC mempunyai beberapa cawangan yang diperakui Halal di seluruh bandar.

Zai Lan Zhou Beef Noodles

- 8F12 Dragon Centre, 37K, Yen Chow Street, Sham Shui Po, Kowloon



Permata tersembunyi ini مخصوص dalam Mi Daging Lembu Lanzhou autentik. Nikmati mi tarik tangan yang kenyal dalam kuah daging lembu yang enak dan mengenyangkan.



Lai Chi Kok Park

- 1 Lai Wan Road, Lai Chi Kok, Kowloon

Lai Chi Kok Park menggabungkan reka bentuk tradisional Cina dengan ruang rekreasi moden. Dengan taman lanskap, kolam dan kolam renang, ia menawarkan suasana tenang untuk bersantai atau bersenang dikelilingi alam semula jadi.



Restoran Diperakui Mesra Halal
Menyediakan hidangan yang diperakui Halal serta item bukan Halal



Restoran Berperakui Halal
Tidak menjual alkohol



Masjid Terdekat
Masjid Kowloon

Kowloon City

Kowloon City ialah salah satu daerah paling pelbagai di Hong Kong. Pernah menjadi lapangan terbang antarabangsa lama bandar ini, kawasan kini menempatkan Kai Tak Cruise Terminal dan Kai Tak Sports Park – kompleks sukan dan hiburan bertaraf dunia.



Kai Tak Stadium

Stadium berkapasiti 50,000 tempat duduk ini merupakan mercu tanda utama Kai Tak Sports Park, dibina tepat di tapak bekas Lapangan Terbang Kai Tak. Sesuai untuk acara sukan, perlawanan dan konsert, bumbung boleh laras stadium memastikan acara diteruskan sama ada hujan atau panas.



Kai Tak Mall

◆ 38 Shing Tak Road, Kai Tak Sports Park, Kai Tak, Kowloon

Terletak di Kai Tak Sports Park, Kai Tak Mall menempatkan hampir 200 jenama runcit dan makanan merentasi 3 bangunan. Pusat beli-belah ini menampilkan pusat boling bertaraf dunia, dinding panjat, dan menjanjikan pengalaman runcit 'sporttainment' terbaik kepada pengunjung.



Joypolis

◆ G/F-4/F, Kai Tak Sports Park, Kai Tak, Kowloon

Joypolis ialah zon hiburan dalaman yang mengujakan, dipenuhi permainan interaktif & VR serta tunggangan yang mendebarkan. Sesuai untuk seisi keluarga dan peminat permainan, ia menawarkan ruang hiburan bertenaga tinggi dalam suasana moden yang direka untuk keseronokan imersif.



Airside

◆ 2 Concorde Road, Kai Tak, Kowloon

Terletak di tengah Kai Tak, Airside menggabungkan reka bentuk inovatif dengan pengalaman gaya hidup. Menampilkan teres hijau, pepasangan seni serta gabungan kedai dan tempat makan terpilih, ia ruang budaya segar yang mentakrifkan semula kehidupan bandar dengan sentuhan kreatif.



Kowloon Walled City Park

Terokai Kowloon Walled City Park, yang mana sejarah penuh warna bekas Kota Berdinding dihidupkan semula melalui pameran dan artifak yang dipulihkan. Nikmati ketenangan taman diilhamkan daripada reka bentuk tradisional Cina untuk pengalaman budaya yang unik.



Islam Food

◆ G/F, 33-35 Tak Ku Ling Road, Kowloon

Dengan sejarah sejak 1950-an, Islam Food ialah restoran Halal ikonik yang menyajikan hidangan Muslim Cina autentik seperti Roti Daging, Lembu Goreng dan Kari Daging.



Restoran Milik Muslim
Menyediakan makanan
Halal sahaja



Causeway Bay


Causeway Bay ialah pusat membeli-belah dan hiburan yang meriah, penuh tenaga, namun turut menawarkan ruang tenang tersembunyi untuk berehat.

Anggita Kusuma Dewi

Pencipta Kandungan, Indonesia

IG @kusumanggi

Menjelajah Causeway Bay dengan Tram Ding Ding memang satu pengalaman menarik! Saya boleh membeli-belah sepanjang hari – dari jenama global sehingga barangan tempatan yang comel – dan masih mendapatkan makanan mesra Muslim berdekatan. Sangat mudah, dan ya... memang berbaloi untuk bergambar juga!



Braemar Hill

📍 Braemar Point, Hong Kong Island

Pendakian popular dalam kalangan penduduk tempatan, Braemar Hill menawarkan denai tenang serta pemandangan panoramik indah Victoria Harbour. Lokasi ini sesuai untuk fotografi matahari terbenam dan menjadi ruang semula jadi damai berdekatan kesibukan bandar.



North Point

North Point menggabungkan tradisi dengan pesona tenang, memberi peluang melihat kehidupan warga tempatan – satu sudut nostalgik yang terasa seakan jauh daripada hiruk pikuk bandar

🕌 Masjid Terdekat
Masjid Ammar dan Osman
Ramju Sadick Islamic Centre



Warung Malang

📍 2/F, Flat B2, Dragon Rise Building, 9-11 Pennington Street, Causeway Bay

Warung Malang menyajikan masakan asli Indonesia di tengah-tengah Hong Kong. Singgah dan nikmati nasi padang, bakso atau sate yang pasti mengenyangkan.



Imperial Patisserie

📍 Shop H, G/F, 29 Lee Garden Road, Causeway Bay

Imperial Patisserie menjual pastri dan biskut Hong Kong diperakui Halal seperti gulung telur dan palmier mentega, sesuai dijadikan hadiah atau cenderamata keluarga.




Dicos

📍 G/F, Seng Ming Court, 377 King's Road, North Point

Restoran makanan segera Cina, Dicos, menawarkan ayam goreng emas ikonik, burger, dan mangkuk nasi – pilihan bernilai hebat untuk pelancong Muslim yang mencari hidangan ringkas.





Central

Masjid Terdekat
Masjid Jamia

Pusat kepada segalanya, Central membolehkan anda menentukan rentak perjalanan sendiri sambil menikmati suasana Hong Kong yang sentiasa hidup, meriah, dan penuh tenaga.



Central Market

📍 93 Queen's Road Central, Central

Central Market menggabungkan warisan dan kemodenan dalam bangunan era 1940-an yang dibangunkan semula. Ruang meriah ini menawarkan kedai tempatan, tempat makan, dan acara budaya di tengah daerah Central Hong Kong.



Central Mid-levels Escalator

📍 Queen's Road Central to Conduit Road, Central

Terbentang sepanjang lebih 800 meter, sistem eskalator luar ini menghubungkan Mid-Levels ke Central. Ia menawarkan cara unik untuk meneroka kedai, kafe, suasana jalanan sambil merehatkan kaki anda mendaki cerun curam di bandar.



Monopoly Dreams

📍 Shop 301, 3/F, Peak Galleria
118 Peak Road, The Peak

Terletak di The Peak, Monopoly Dreams membawa anda masuk ke dunia permainan papan klasik. Dengan zon bertema, permainan interaktif, dan pengalaman 4D yang mengujakan, ia menjadi tarikan penuh keseronokan – sesuai untuk keluarga serta peminat permainan ikonik ini.



Peak Tram

📍 33 Garden Road, Central, Peak Tram Lower Terminus

Satu pengalaman klasik Hong Kong, Peak Tram membawa anda melalui cerun curam menuju Victoria Peak. Perjalanan bersejarah ini, digandingkan dengan pemandangan panorama bandar menakjubkan, adalah pengalaman nostalgia dan wajib dicuba oleh pelawat kali pertama.



Hong Kong Observation Wheel

📍 33 Man Kwong Street, Central

Meninggi di Central Harbourfront, Hong Kong Observation Wheel menawarkan pemandangan panorama bandar serta pelabuhan, sesuai untuk bersiar-siar sama ada pada waktu siang atau malam.



Tai Kwun

📍 10 Hollywood Road, Central

Tai Kwun dahulunya sebuah balai polis, kini menempatkan 16 bangunan warisan yang dibangunkan semula. Nikmati galeri seni, pameran, serta persembahan dalam bangunan kolonial yang telah dipulihkan ini.



IFC

📍 8 Finance Street, Central

IFC ialah mercu tanda moden dengan pusat beli-belah mewah, tempat makan eksklusif, dan pejabat perniagaan. Dengan pemandangan bumbung serta butik berjenama, ia menjadi simbol keanggunan Hong Kong moden.



PMQ

📍 35 Aberdeen Street, Central

Dahulunya kuarters polis, kini PMQ menjadi hab kreatif meriah untuk rekaian tempatan. Menampilkan galeri seni, butik, serta acara munculan, ia memperlihatkan bakat baharu yang berkembang di Hong Kong.



Pasteako

📍 Shop HG01-HG05, G/F, Block B Hollywood, PMQ, 35 Aberdeen Street, Central

Pasteako mengkhusus dalam masakan Itali, terutama stik dan pasta yang pasti memuaskan selera anda.



Restoran dengan Dapur Diperakui Halal
Menjual alkohol kepada pelanggan bukan Muslim



Flaming Frango

📍 G/F, 55 Elgin Street, Soho, Central

Menawarkan ayam Peri-Peri panggang berapi pedas dan diperap selama 24 jam penuh keenakan. Sedapnya!



Restoran dengan Dapur Diperakui Halal
Menjual alkohol kepada pelanggan bukan Muslim



YUAN

📍 Shop 2, G/F, Chinachem Hollywood Centre, 1-13 Hollywood Road, Central

YUAN ialah restoran vegetarian Cina moden pertama di Hong Kong diperakui Halal, menyajikan hidangan berasaskan tumbuhan inovatif dan bebas alkohol dalam suasana mewah.



Restoran dengan Dapur Diperakui Halal
Menjual alkohol kepada pelanggan bukan Muslim



Chinesology

📍 Shop 3101 - 3107, Level 3, IFC Mall, 8 Finance Street, Central

Chinesology ialah restoran mewah pertama di Hong Kong diperakui Halal, menawarkan hidangan Cina premium dalam suasana elegan.



Restoran Diperakui Mesra Halal
Menyajikan hidangan yang diperakui Halal serta item bukan Halal

Indah Nada Puspita

Usahawan, Indonesia

📱 @indahnadapuspita


Central menjadi lokasi wajib singgah saya di Hong Kong, terutamanya untuk OOTD! Gabungan keanggunan moden dan pesona warisan menjadikannya latar fesyen yang tiada tandingan. Setiap gaya busana terasa lebih hidup dan benar-benar menyerlah di sini!



Sheung Wan

Sheung Wan ialah kawasan penuh pesona menawan yang membuat anda ingin berhenti sejenak menghayatinya.

Masjid Terdekat
Masjid Jamia



Street Art

Adegan seni jalanan Hong Kong begitu meriah dan sentiasa berkembang, khususnya di kawasan seperti Central, Sheung Wan dan Sham Shui Po. Mural, tag dan grafiti menyuntik warna serta budaya pada lorong, tangga dan fasad bangunan di seluruh bandar. Daripada mesej politik hingga rekaan fantasi serta kolaborasi bersama artis antarabangsa, seni ini mencerminkan denyut kreatif Hong Kong. Street Art Walks berpandu turut semakin popular, menonjolkan keindahan penceritaan visual bandaraya ini.

Safwan Nazri Pencipta Kandungan, Malaysia

@safwannazri

Hong Kong sentiasa ada cara mengejutkan kita dengan letusan seni kecil di celah-celah bandar, serta momen budaya yang sehati dengan kehidupan seharian. Sentiasa ada sesuatu yang baharu untuk diterokai, dan masa yang ada tidak pernah terasa mencukupi. Itulah sebabnya saya dan keluarga tidak sabar untuk kembali berkunjung!



Upper Lascar Row

📍 Tai Ping Shan, Hong Kong

Sebuah syurga untuk pencinta vintaj, Upper Lascar Row dipenuhi dengan barangan antik, koleksi unik, dan penemuan nostalgia daripada masa lalu Hong Kong.

💡 **Fakta Menarik:** Ia juga dikenali sebagai Cat Street!



Western Market

📍 323 Des Voeux Road Central, Sheung Wan

Western Market, dalam bangunan gaya Edwardian yang dipelihara, ialah antara pasar tertua Hong Kong, menampilkan kedai kain, cenderamata, serta pesona sejarah perdagangan bandar ini.



Wan Chai

Masjid Terdekat
Masjid Ammar dan Osman
Ramju Sadick Islamic Centre

Wan Chai ialah gabungan meriah warisan dan kehidupan moden, tempat bangunan era penjajah bertemu masa kini.



Islamic Centre Canteen

📍 5/F, Masjid Ammar and Osman Ramju Sadick Islamic Centre, Wan Chai

Terletak di dalam Masjid Ammar, restoran ini menyajikan dim sum Halal Hong Kong dan hidangan Kantonis, termasuk siu mai, nasi pulut serta ayam panggang rangup kegemaran ramai.



Restoran Berperakui Halal
Tidak menjual alkohol



Wai Kee

📍 Shop 5, Bowrington Road Cooked Food Centre, 1/F, Bowrington Road Market, 21 Bowrington Road, Wan Chai

Wai Kee ialah pilihan utama Muslim tempatan untuk menikmati nasi itik panggang Halal dan kari kambing terkenal.



Restoran Milik Muslim
Menyediakan makanan Halal sahaja



Blue House

📍 G/F, 72A Stone Nullah Lane, Wan Chai

Menjadi lokasi kepada Hong Kong House of Stories, The Blue House mengangkat kepelbagaian budaya masyarakat setempat. Melalui persembahan seni, bengkel dan pelbagai aktiviti lain, The Blue House mengekalkan kisah budaya ini agar terus hidup.



Wan Chai Promenade

📍 Hong Kong Convention And Exhibition Centre, Expo Dr, Wan Chai

Terbentang di sepanjang pelabuhan, Wan Chai Promenade menawarkan pemandangan Victoria Harbour, kawasan tempat duduk dan seni awam. Sesuai untuk berjalan santai, berjoging, atau menikmati senja, ia menghubungkan penduduk dan pelancong dengan pesona tepi laut bandar ini.

Hong Kong Convention & Exhibition Centre

📍 1 Expo Dr, Wan Chai

HKCEC (Hong Kong Convention and Exhibition Centre) ialah lokasi utama konvensyen serta pameran global, terletak di tepi pelabuhan Wan Chai, dengan seni bina ikonik menyerupai layar dan pemandangan latar langit menakjubkan



Petua: Anda boleh menemukan bilik solat di Aras 2.

大 嶼 山

Pulau Lantau

Pulau Lantau ialah destinasi terbaik untuk memuaskan jiwa pengembara anda, sambil memberi peluang menikmati pelbagai keseronokan dan pengalaman sepenuhnya.



Hong Kong Disneyland

📍 Lantau Island, Hong Kong

Melangkahlah ke Hong Kong Disneyland Resort untuk pengalaman penuh magis. Terokai lapan kawasan bertema dengan kisah Disney, watak kesayangan, serta tarikan eksklusif pemenang anugerah.



Petua: Bilik tenang di Mystic Point tersedia untuk solat.



Halal Food

📍 Hidangan Halal diperakui boleh didapati di Adventureland, manakala menu mesra Muslim turut disediakan di restoran hotel resort.



Ngong Ping 360

📍 Lantau Island, Hong Kong

Ngong Ping 360 menawarkan pemandangan panorama Pulau Lantau yang menakjubkan melalui perjalanan kereta kabel indah dari Tung Chung ke Kampung Ngong Ping. Dari situ, anda boleh meluangkan masa sehari meneroka Biara Po Lin yang agung serta patung ikonik Big Buddha yang megah.



Petua: Kampung Ngong Ping mempunyai bilik solat — hanya tanya di Holidays 360 Information Centre untuk maklumat lanjut!

Ebenezer's

📍 Shop 9A, Ngong Ping Themed Village, Ngong Ping, Lantau Island, Hong Kong

Rangkaian makanan yang dikenali komuniti Muslim di Hong Kong, Ebenezer's menyajikan makanan Halal mengenyangkan seperti kebab, pizza dan lain-lain.



Restoran dengan Dapur Diperakui Halal
Menjual alkohol kepada pelanggan bukan Muslim



Tai O

📍 Lantau Island, Hong Kong

Tai O ialah perkampungan nelayan damai di Pulau Lantau, terkenal dengan rumah panggung tradisional, laluan warisan, makanan ringan tempatan, serta Tai O Heritage Hotel yang menawan.

Hong Kong International Airport

Lapangan Terbang Antarabangsa Hong Kong (HKIA) adalah hab perjalanan bertaraf dunia yang terkenal dengan kecekapan, reka bentuk moden dan sambungan yang lancar ke bandar serta destinasi antarabangsa. Lapangan terbang ini menawarkan pelbagai pilihan membeli-belah dan tempat makan, dengan rangkaian pengangkutan awam yang sangat mudah untuk ke bandar. Sama ada anda tiba, berlepas, atau transit, HKIA memastikan pengalaman perjalanan yang selesa dan lancar.



Petua: Lapangan terbang ini mempunyai bilik solat di dewan menanti aras 5-7!



Petra

- Regala Skycity Hotel, 8 Airport Expo Boulevard, Hong Kong International Airport

Petra ialah restoran antarabangsa mesra Muslim yang memenuhi pelbagai cita rasa, malah mempunyai ruang memasak secara langsung.



Restoran Diperakui Mesra Halal
Menyediakan hidangan yang diperakui Halal serta item bukan Halal

**Tempah awal hidangan Halal anda dengan restoran*



Skycity Bistro

- Hong Kong SkyCity Marriott Hotel, 1 Sky City Road East, Hong Kong International Airport

SkyCity Bistro terletak di Hong Kong SkyCity Marriott Hotel di Pulau Lantau, SkyCity Bistro menawarkan menu Halal khas untuk hidangan sepanjang hari.



Restoran Diperakui Mesra Halal
Menyediakan hidangan yang diperakui Halal serta item bukan Halal



Kee Wah

- Shop 7E101, Airside, Terminal 1, Hong Kong International Airport

Kee Wah Bakery ialah jenama pastri terkenal Hong Kong sejak 1938, menyajikan pelbagai pastri klasik. Peluang terakhir untuk membeli cenderamata Halal dan biskut panda comel untuk rakan serta keluarga.



Pabrik Makanan Bersertifikat Halal



Old Town White Coffee

- Shop 6W564, West Hall Airside, Terminal 1, Hong Kong International Airport

Terletak di dalam Lapangan Terbang Antarabangsa Hong Kong, Old Town White Coffee menyediakan ruang untuk anda menikmati kopi dan snek sambil bersantai menunggu penerbangan.



Restoran Berperakui Halal
Tidak menjual alkohol

Aberdeen

Jika anda berminat dengan apa sahaja yang berkaitan dengan lautan, Aberdeen mempunyai pelbagai kisah tentang laut biru yang menanti untuk diterokai.



Aberdeen Fishing Heritage Tour

📍 Aberdeen Harbour

Kembali ke masa lalu dengan Aberdeen Fishing Heritage Tour. Anda boleh menaiki bot sampan tradisional, melawat perkampungan terapung, dan mengenali sejarah maritim Hong Kong. Ia adalah perjalanan budaya merentasi salah satu komuniti nelayan tertua bandar ini.

I-O-N

📍 P3/F, Nina Hotel
Island South,
55 Wong Chuk
Hang Road,
Aberdeen



I-O-N menawarkan bufet Asia Tenggara dan bar mi khas, sambil memberikan pengalaman menjamu selera santai dan meriah. Anda juga boleh menikmati pencuci mulut daripada Nina Patisserie di dalam hotel.



Restoran Diperakui Mesra Halal
Menyediakan hidangan yang diperakui
Halal serta item bukan Halal



Ocean Park Hong Kong

📍 180 Wong Chuk Hang Road, Aberdeen,
Hong Kong Island

Ocean Park menggabungkan pacu ria mendebarkan dengan pertemuan haiwan dalam suasana pesisir pantai. Dari roller coaster dengan pemandangan laut ke habitat Panda Gergasi yang tenang, ia menjadi destinasi resort utama yang memadukan keterujaan, pemuliharaan dan keseronokan keluarga.



Petua: Bilik solat disediakan berhampiran Guest Reception di Pintu Masuk Utama dan berhampiran pacu ria "The Flash" di zon Thrill Mountain.

Café Ocean Restaurant

📍 Marine World, Summit, Ocean
Park Hong Kong, Aberdeen

Nikmati pelbagai pilihan masakan Asia Tenggara di sekitar Marine World, menjadikannya lokasi yang sesuai untuk menjamu selera sambil bersantai dan menikmati pemandangan laut yang indah di sekitarnya.



Restoran Berperakui Halal
Tidak menjual alkohol

Siti Mastura Alwi

Chef, Singapura | Instagram: @chefsitimas

Menjelajah Hong Kong bersama keluarga saya memang menakjubkan! Dapada pacu ria mendebarkan dan haiwan comel di Ocean Park sehingga menemukan makanan mesra Muslim terbaik di kawasan bandar yang meriah – setiap saat adalah pengembaraan penuh keseronokan, lazat, dan tidak dapat dilupakan.



Jelajah Pulau

Mencari lebih banyak pengembaraan? Naiki feri dan terokai pulau-pulau ini!



Cheung Chau

30 minit dari bandar, Cheung Chau menggabungkan tradisi tempatan dan pengembaraan dengan pelbagai aktiviti luar, makanan jalanan, serta warisan budaya — paling terkenal dengan Perayaan Roti Kukus, acara tradisional tahunan yang unik di pulau ini.

 **Fakta Menarik:** Bentuk Cheung Chau menyerupai dumbel!



Pulau Lamma

Pulau Lamma ialah destinasi percutian tenang dengan sentuhan bohemian. Daki denai indah, nikmati makanan laut segar, kunjungi perkampungan kecil, dan berehat di pantai yang damai sambil menikmati suasana santai pulau ini.

 **Petua:** Rainbow Seafood Restaurant mempunyai hidangan yang diperakui Halal untuk pelancong Muslim.



Peng Chau

Rasakan rentak kehidupan yang lebih perlahan di Peng Chau, sebuah pulau kecil dipenuhi tapak warisan, laluan tepi laut, dan pesona desa. Ia destinasi santai yang kaya dengan budaya dan pemandangan indah — hanya dengan menaiki feri.



Pulau Sharp

Pulau Sharp terkenal dengan formasi batuan gunung berapi dan tombolo semula jadi. Boleh diakses dengan bot dari Sai Kung, ia lokasi hebat untuk mendaki, berenang, dan meneroka geologi pantai unik.



Alam Terbuka

Kembara dari hutan konkrit ke denai pesisir pantai — pengembaraan sentiasa hidup dalam Great Outdoors Hong Kong.



Tai Mo Shan

📍 Tai Mo Shan, New Territories

Dengan ketinggian 957 meter, Tai Mo Shan ialah gunung tertinggi di Hong Kong dan menjadi kegemaran pendaki. Denai berkabus, pemandangan luas, serta udara yang lebih sejuk menjadikannya lokasi rehat semula jadi yang menyegarkan.



Sai Kung

📍 New Territories


Dikenali sebagai ‘taman belakang’ Hong Kong, Sai Kung menawarkan laluan mendaki indah, air jernih, dan makanan laut segar. Ia syurga pencinta alam semula jadi — sesuai untuk perjalanan sehari, berkayak, dan aktiviti keliling pulau.



MacLehose Trail

📍 Sai Kung, New Territories

Terbentang sepanjang lebih 100 kilometer, MacLehose Trail ialah laluan mendaki paling panjang dan ikonik di Hong Kong. Terbahagi kepada 10 peringkat, merentasi gunung, pantai dan takungan, memberikan pengalaman mendaki yang mencabar dengan ganjaran pemandangan indah.



Dragon's Back

📍 Hong Kong Island

Dragon's Back ialah salah satu denai mendaki paling popular di Hong Kong, menawarkan laluan rabung bukit dengan pemandangan menakjubkan menghadap Shek O dan Big Wave Bay. Hanya perjalanan singkat dari bandar, ia percutian indah menggabungkan laluan hutan dan panorama pesisir.



Plover Cove Country Park

📍 Plover Cove Country Park, Shuen Wan

Untuk sehari melarikan diri daripada kesibukan kota, Plover Cove Country Park menawarkan segalanya — daripada kampung berinding tradisional hingga pemandangan pesisir pantai menakjubkan, hutan ‘fung shui’, serta ciri geologi luar biasa di Hong Kong UNESCO Global Geopark.



Stand-up Paddleboarding

📍 Beberapa lokasi di seluruh pulau

Aktiviti Papan Kayuh Berdiri (SUP) adalah cara menyeronokkan untuk meneroka pesisir pantai Hong Kong, malah kampung seperti Yung Shue O dan Sham Chung. Ia memberikan pengalaman segar menikmati laut sambil mengimbangi kecergasan dan bersantai.

Hotel Mesra Muslim

CrescentRating mengkategorikan hotel berdasarkan tahap perkhidmatan mesra Muslim yang ditawarkan, membantu pelancong memilih penginapan yang sesuai dengan keperluan mereka. Penarafan ini membimbing pelancong Muslim ke arah penginapan yang selari dengan tuntutan agama, memberi keselesaan serta ketenangan sepanjang penginapan.

Hotel **Crescent Bertaraf 5** memberikan tahap jaminan tertinggi untuk pelancong Muslim, dengan dapur atau restoran diperakui Halal serta pelbagai kemudahan berasaskan keperluan agama.

Hotel **Crescent Bertaraf 4** menyediakan sokongan kukuh untuk tetamu Muslim melalui menu yang diperakui Halal, tandas mesra air, dan kemudahan solat di dalam bilik.

Hotel **Crescent Bertaraf 3** menjamin keselesaan dengan kemudahan asas tetapi praktikal, termasuk sudut sarapan Halal, arah kiblat, dan maklumat mengenai masjid serta restoran Halal berdekatan.

Aberdeen

- 5** Crescent Rating
Hong Kong Ocean Park Marriott Hotel
- 3** Crescent Rating
Nina Hotel Island South
The Fullerton Ocean Park Hotel Hong Kong

Admiralty

- 3** Crescent Rating
JW Marriott Hotel Hong Kong
The Upper House Hong Kong

Central

- 5** Crescent Rating
Island Shangri-La, Hong Kong
- 4** Crescent Rating
Four Seasons Hotel Hong Kong
- 3** Crescent Rating
Lan Kwai Fong Hotel @ Kau U Fong
Mandarin Oriental, Hong Kong
The Murray, Hong Kong, A Niccolo Hotel

Causeway Bay & North Point

- 5** Crescent Rating
Mira Moon Hotel
- 3** Crescent Rating
Harbour Grand Hong Kong
Harbour Plaza North Point
Hotel Alexandra
Hyatt Centric Victoria Harbour Hong Kong
Regal Hongkong Hotel
The Park Lane Hong Kong, Autograph Collection

Wan Chai

- 5** Crescent Rating
Grand Hyatt Hong Kong
- 3** Crescent Rating
AKI Hong Kong-MGallery

- 3** Crescent Rating
Dorsett Wanchai, Hong Kong
Hopewell Hotel
Novotel Century Hong Kong
Renaissance Harbour View Hotel Hong Kong

Hung Hom

- 5** Crescent Rating
Kerry Hotel Hong Kong
- 3** Crescent Rating
Harbour Grand Kowloon

Mongkok & Jordan

- 3** Crescent Rating
Cordis, Hong Kong
Dorsett Mongkok, Hong Kong
Eaton HK
Hotel Madera, Hong Kong
Metropark Hotel Mongkok, Hong Kong
Royal Plaza Hotel

Kowloon City & Kai Tak

- 3** Crescent Rating
Dorsett Kai Tak, Hong Kong
Harbour Plaza 8 Degrees

Kwun Tong

- 3** Crescent Rating
Nina Hotel Kowloon East

Tsim Sha Tsui

- 5** Crescent Rating
Kowloon Shangri-La, Hong Kong
New World Millennium Hong Kong Hotel
The Mira Hong Kong
- 3** Crescent Rating
Gateway Hotel
Holiday Inn Golden Mile Hong Kong
Hotel ICON Hong Kong
InterContinental Grand Stanford Hong Kong
K11 Artus

- 3** Crescent Rating
Marco Polo HongKong Hotel
Prince Hotel
Regal Kowloon Hotel
Regent Hong Kong
Rosewood Hong Kong
Royal Pacific Hotel
Sheraton Hong Kong Hotel & Towers
The Kowloon Hotel
The Langham, Hong Kong
The Luxe Manor, Hong Kong

New Territories

- 5** Crescent Rating
Dorsett Tsuen Wan, Hong Kong
- 3** Crescent Rating
Alva Hotel by Royal
Courtyard by Marriott Hong Kong Sha Tin
Hong Kong Gold Coast Hotel
Hyatt Regency Hong Kong, Sha Tin
Nina Hotel Tsuen Wan West
Regal Riverside Hotel

Lantau

- 3** Crescent Rating
Four Points by Sheraton Hong Kong Tung Chung
Regal Airport Hotel
Regala Skycity Hotel
Sheraton Hong Kong Tung Chung Hotel

IMBAS
UNTUK
MELIHAT
SENARAI
TERKINI





5 Hari Keriangn Keluarga di Hong Kong

Hari 1 Ketibaan & Penerokaan Bandar

Aktiviti Pagi

- Terokai kawasan sibuk Tsim Sha Tsui dan singgah di Harbour City untuk sesi membeli-belah singkat.

Makan Tengah Hari

- Menjamu selera di **Lady 13 Kitchen**. Di sini, anda boleh mencuba hidangan klasik Cina seperti Mi Ketam Roe.

Aktiviti Tengah Hari

- Nikmati keajaiban di **LEGOLAND Discovery Centre di K11 MUSEA** dan biarkan imaginasi si kecil berkembang bebas!

- Berhenti sebentar untuk menikmati snek di **Marouf & Puff Bake** — dapatkan kopi dan tart telur Halal ikonik mereka.

- Nikmati waktu senja dengan pelayaran menyaksikan matahari terbenam di **Aqua Luna**, sambil menghayati pemandangan **Victoria Harbour**.

Aktiviti Malam

- Pergi ke Mongkok untuk makan malam di restoran **Dignity Kitchen**.
- Beli kasut dan pakaian sukan terkini di **Sneakers Street**, dan uji kemahiran tawar-menawar anda di **Ladies Market** yang terletak bersebelahnya.

- Gunakan Kad Octopus untuk kemudahan pengangkutan menggunakan MTR, bas, feri
- Kebanyakan tarikan adalah mesra kereta sorong bayi dan kanak-kanak
- Menginap di hotel pusat bandar dengan bilik keluarga atau suite

Hari 2 Hong Kong Disneyland

- Luangkan sehari penuh di **Hong Kong Disneyland**

- Zon wajib dilawati: **World of Frozen, Toy Story Land, and Marvel-themed Tomorrowland**.

Jangan lepaskan pertunjukan bunga api & dron malam bertajuk **"Momentous"**.

- Makanan Halal, bilik solat dan penyewaan kereta sorong bayi disediakan



Hari 4 Dim Sum & Penerokaan Peak

Sarapan Lewat Pagi

- Nikmati dim sum Halal di **Islamic Centre Canteen di dalam Masjid Ammar** untuk hidangan santai tengah hari.

Aktiviti Tengah Hari

- Naiki **Peak Tram** bersejarah menuju **Victoria Peak** untuk pengalaman unik. Di sini, bangunan kelihatan seolah-olah condong ketika trem mendaki cerun curam (sehingga 27 darjah!)

- Lawati tempat tarikan yang menarik di The Peak seperti **Monopoly Dreams** dan **Madame Tussauds** untuk aktiviti petang yang penuh keseronokan.

- Nikmati pemandangan ikonik berlataran langit Hong Kong dari **Sky Terrace 428**.

Aktiviti Petang

- Pergi ke **Causeway Bay** untuk membeli-belah santai sambil beristirahat.

Makan Malam

- Lengkapkan hari anda dengan hidangan mengenyangkan — itik panggang Halal di **Wai Kee**.

Hari 3 Ocean Park Hong Kong

Aktiviti Pagi

- Pergi ke **Ocean Park Hong Kong** untuk merasai pengalaman menyeronokkan serta mendidik. Kenali kehidupan marin dengan lebih dekat, bertemu haiwan seperti singa laut dan penguin, serta tarikan utama — panda! Lengkapkan pengalaman anda dengan pacu ria menebarkan dan permainan karnival yang menyeronokkan.

Makan Tengah Hari

- Nikmati hidangan yang diperakui Halal seperti Nasi Ayam atau Rendang Daging di **Café Ocean**, sambil menikmati pemandangan indah Laut China Selatan.

Aktiviti Tengah Hari

- Naiki kereta kabel Ngong Ping 360 yang menawarkan pemandangan indah merentasi pergunungan untuk ke Kampung Ngong Ping, sambil mempelajari budaya Cina.

Makan Malam

- Nikmati makan malam di kampung ini di **Ebeneezer's Kebabs & Pizzeria**, dengan pelbagai sajian Halal yang lazat.



Hari 5 Pasar Tempatan & Berlepas

Aktiviti Pagi

- Pergi ke daerah Sham Shui Po di **Toy Street** untuk membeli mainan, dan luangkan masa di **Apliu Street** untuk mendapatkan barangan elektronik dengan harga berpatutan!

Aktiviti Tengah Hari

- Daftar keluar dari hotel anda dan bergerak ke lapangan terbang.

Perjalanan Pulang

- Ucapkan selamat tinggal kepada Hong Kong sambil pulang dengan kenangan yang tidak dapat dilupakan!



Perkara Wajib Dilakukan di Hong Kong

• untuk Generasi MZ

Seni Yang Berbeza Rasa:

- ☐ Terokai mural seni dan seni jalanan di **Sheung Wan** dan **Sai Ying Pun**.
- ☐ Selami dunia seni kontemporari di **M+**.
- ☐ Harga seni dan sejarah Hong Kong di bangunan bersejarah yang telah dibangunkan semula seperti **Tai Kwun** dan **PMQ**.



M+



Terokai mural



Select 18



Cookie Quartet

Untuk Gaya & Selera:

- ☐ Dapatkan sepasang kasut edisi terhad di **Sneakers Street**.
- ☐ Memburu khazanah vintaj di kedai seperti **Select 18** dan **Good Bad Creative**.
- ☐ Dapatkan cenderamata yang diperakui Halal di **Imperial Patisserie**, **Kee Wah**, **Cookie Quartet**, dan lain-lain.
- ☐ Rasai dim sum Hong Kong autentik yang Halal di **Islamic Centre Canteen**.




Pendakian, Pelabuhan & Tanda Pagar:

- ☐ Capai puncak lebih tinggi dengan mendaki salah satu gunung di Hong Kong, contohnya **Dragon's Back** atau **Lion Rock**.
- ☐ Nikmati keindahan waktu senja keemasan sambil belayar menyusuri **Victoria Harbour** di atas **Aqua Luna**.
- ☐ Ambil gambar sempurna yang mesra Instagram di lokasi ikonik seperti:
 - o Central Mid-Levels Escalator
 - o Kennedy Town
 - o Penggambaran berinspirasi retro di Central
 - o Dinding mozek di stesen MTR



Lion Rock



Anugerah Pelancongan Halal 2025

Destinasi Mesra Muslim
Harapan Terbaik

Kedudukan Indeks Melancong Muslim Global Mastercard-CrescentRating 2025*

- 🏆 Pertama dalam Destinasi Mesra Muslim yang Mudah Diakses
- 🏆 Kedua dalam Keselamatan Melancong untuk Wanita Muslim

*untuk destinasi bukan negara OIC

Panduan Pelancongan Halal Hong Kong ialah penerbitan Lembaga Pelancongan Hong Kong (HKTb) dan HalalTrip. Kandungan dan reka bentuk ©2025, hak cipta terpelihara. Penerbitan semula tanpa kebenaran bertulis adalah dilarang. Segala usaha telah dilakukan untuk memastikan ketepatan maklumat setakat masa penerbitan. Walau bagaimanapun, HKTb serta ejen, rakan kongsi, dan pihak bersekutu tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, perubahan, atau ketinggalan maklumat. Untuk maklumat paling tepat dan terkini, sila layari www.discoverhongkong.com/seasia



Hong Kong Tourism Board
Official Website

